

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.



Ini Damirul. Dia seorang yang sangat aktif bersukan. Damirul suka bermain bola. Damirul sering bermain bola dengan kawan-kawannya. Selepas pulang dari sekolah, Damirul akan ke padang untuk bermain bola. Setiap petang Damirul dan kawan-kawannya akan bermain bola. Mereka habis bermain bola pada pukul 6.00 petang. Setelah habis bermain bola, mereka akan pulang ke rumah bersama-sama.

1. Damirul suka _____.

2. Damirul sering bermain bola dengan
_____.

3. Damirul akan ke _____ untuk
bermain bola.

4. Setiap _____ Damirul dan
kawan-kawannya akan bermain bola.

5. Mereka habis bermain bola _____.